

Menjelang musim perayaan pasti menerjah di ruang fikiran mengenai pelbagai jenis juadah enak yang boleh dinikmati.

Begitu juga sambutan Tahun Baru Cina yang bakal tiba tidak lama lagi. Hidangan tradisional seperti yee sang, kek tahun baru dan timau mandarin pasti menggamit selera bagi mereka yang menyambutnya.

Namun jika anda teringat rasa tidak selesa seperti cucukan tajam pada gigi apabila membayangkan hidangan makanan ini, anda mungkin mempunyai gigi sensitif. Mungkin setengah orang fikir ketidakselesaan itu disebabkan kerosakan gigi atau gigi berlubang tetapi kemungkinan besar anda mengalami sensitiviti gigi.

Dianggarkan kira-kira separuh penduduk mengalami masalah gigi sensitif, namun ramai yang tidak mengetahui perbezaan antara rongga, pereputan dan sensitiviti. Justeru, apakah sebenarnya sensitiviti gigi dan puncanya?

Perunding Periodontid dan Pensyarah Pergigian Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Mastuah Razali berkata, dasar dentin gigi ialah lapisan yang mengelilingi teras gigi, disaluti enamel pada korona dan gusi yang mengelilingi gigi.

Dari semasa ke semasa, lapisan enamel menjadi haus dan mengurangkan perlindungan untuk gigi manakala gusi juga boleh menyusut dari semasa ke semasa dan menjadikan permukaan akar yang mendasari dentin terdedah.

"Dentin mengandungi sejumlah besar liang atau tubul daripada bahagian luar gigi ke teras gigi. Apabila dentin terdedah, tubul ini boleh dirangsang oleh perubahan suhu atau setengah jenis makanan dan minuman.

"Apabila seseorang mengalami gigi sensitif, mengambil makanan atau minuman sejuk, panas, manis atau masam, rangsangan ini akan bergerak melalui saluran kecil daripada tubul.

"Ini kemudiannya akan mengganggu teras gigi dan mencetuskan sensitiviti gigi serta menyebabkan rasa cucukan tajam yang tidak selesa," katanya pada sidang media Tahun Baru Cina Colgate Sensitive Pro Relief, baru-baru ini.

Turut hadir, Pengarah Pemasaran Colgate-Palmolive Malaysia, Arvind Chintamani.

Dr Mastuah berkata, memburu gigi terlalu lama dan kuat juga mempercepatkan kemerosotan gusi dan hakisan enamel, seterusnya menyebabkan sensitiviti gigi. Mengisar gigi iaitu tabiat me-

ARVIND (kiri) bersama Dr Masfiah (tiga dari kanan) dan Chef Florence Tan (tiga dari kiri) bergambar kenangan.



# Atasi SENSITIVITI gigi

Penggunaan ubat gigi betul mampu kurangkan rasa tidak selesa pada gusi



WAKIL media yang hadir berpeluang merasai makanan tradisional Tahun Baru Cina yee sang.



DR Masfiah menerangkan mengenai gigi sensitif.

ngatap dan mengisar gigi bersama-sama juga boleh menyebabkan enamel terkakis.

Menurut kajian di Amerika Syarikat, terdapat beberapa penyebab lain kepada sensitiviti gigi. Pertama, kemerosotan gusi yang berlaku apabila kita semakin berusia yang mana sehingga 80 peratus orang mengalami kemerosotan gusi menjelang usia 65 tahun.

Selain itu, hakisan enamel iaitu kehilangan enamel gigi boleh menyebabkan gigi sensitif. Ini biasanya berlaku apabila makan terlalu banyak makanan dan minuman ber-asid.

Terdapat beberapa cara untuk merawat gigi sensitif. Langkah pertama adalah mengetahui puncanya dengan mendapatkan rawatan profesional. Pakar profesional pergigian boleh membantu anda mengenal pasti dan menentukan sejauh mana ketidakselesaan anda.

Mendapatkan diagnosis yang tepat mengenai sensitiviti gigi membolehkan anda menerima rawatan yang berkesan untuk menghapuskan ketidakselesaan yang dialami.

Selain itu, memilih ubat gigi yang betul juga boleh membantu mengatasi sensitiviti gigi. Setengah ubat gigi menyediakan penyelesaian

sementara iaitu hanya memberi rasa kebas terhadap gigi daripada ketidakselesaan dari semasa ke semasa.

Oleh itu, penting untuk mendapatkan ubat gigi yang menyasarkan kepada punca sensitiviti gigi.

Colgate Sensitive Pro Relief, ubat gigi yang terbukti secara klinikal yang disyorkan oleh doktor gigi seluruh dunia sebagai penyelesaian terhadap sensitiviti gigi untuk kelegaan segera dan tahan lama.

Ia mengandungi teknologi Pro-Argin yang berkesan menyumbat tubul dentin yang terdedah. Ini akan menyekat penghantaran haba, sejuk, udara atau tekanan daripada merangsang reseptor dalam gigi, dengan itu menghalang punca rasa tajam yang tidak selesa.

Dengan penggunaan kerap, Colgate Sensitive Pro Relief bertindak sebagai tembok penutup yang kukuh dan tahan lama, sebagai pelindung terhadap sensitiviti yang akan menghilangkan rasa sakit dan memberi kebebasan untuk menikmati makanan dan minuman panas, sejuk dan manis yang menjadi kegemaran tanpa bimbang.

Untuk kelegaan segera, gunakan ubat gigi secara terus pada gigi sensitif dan urut perlahan-lahan dengan hujung jari selama seminit. Bagaimanapun, untuk perlindungan yang tahan lebih lama, terus gigi anda menggunakan ubat gigi ini dua kali sehari selama tidak lebih dua minit setiap sesi.